

*Artikel*

**Penerimaan dan Penghayatan Generasi Hari ini terhadap Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan Menurut Perspektif Pakar**

*(Experts' Perspectives on the Acceptance and Appreciation of Traditional Elements in the Federal Constitution by the Current Generation)*

Khadijah Muda\*

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [khadijahmuda@usim.edu.my](mailto:khadijahmuda@usim.edu.my)

Diserah: 13 September 2024

Diterima: 9 September 2024

**Abstrak:** Arus pemodenan dan kepesatan teknologi hari ini menyaksikan lahirnya generasi yang banyak bergantung pada teknologi maklumat dan komunikasi. Kesannya pelbagai pengaruh dalam dan luar negara mampu mempengaruhi mereka dalam segenap aspek. Iman yang teguh dan jati diri kukuh menjadi benteng utama. Kajian ini ingin mengkaji tentang penerimaan dan penghayatan generasi hari ini terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan menurut perspektif pakar. Kaedah metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu temubual dilakukan terhadap enam orang pakar. Pakar dipilih dari bidang sosiologi perlembagaan, undang-undang, sejarah dan pembinaan bangsa. Hasil temubual dapat dilihat dari segi penggunaan bahasa Melayu yang agak sederhana, jurang antara kelas sosial iaitu kelas elit lebih mempunyai banyak peluang berbanding orang biasa, sekolah yang menghimpunkan semua etnik mampu mewujudkan perpaduan antara kaum, penghayatan generasi sekarang terhadap unsur tradisi kurang berbanding generasi dahulu, diskriminasi positif, perpaduan masyarakat Malaysia, unsur tradisi dikekalkan dan keharmonian antara kaum di Malaysia. Hasil dapatan ini juga mendedahkan bahawa pada pandangan pakar generasi hari ini menerima unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi dari segi penghayatan agak kurang. Ini dikaitkan dengan penggunaan bahasa Melayu, isu-isu agama yang dimainkan, penghayatan agama dan ketidakpuasan hati terhadap kedudukan orang Melayu dan bumiputera. Implikasi daripada kajian ini, pendedahan dan pemahaman masyarakat tentang elemen unsur tradisi ini perlu diperkasakan lagi dalam kalangan generasi muda agar penghayatan mereka dapat ditingkatkan.

**Kata kunci:** Unsur tradisi; kontrak sosial; perlembagaan Persekutuan; penghayatan; Melayu; Islam

**Abstract:** The wave of modernization and rapid technological advancement today has given rise to a generation that heavily relies on information and communication technology. As a result, various internal and external influences are capable of impacting them in many aspects. Strong faith and a solid sense of identity serve as the main defense. This study aims to examine the acceptance and appreciation of today's generation towards traditional elements in the Federal Constitution from the perspective of experts. The research methodology uses a qualitative approach, involving interviews with six experts. The experts were selected from the fields of constitutional sociology, law, history, and nation-building. The interviews reveal insights into various aspects, such as the moderate use of the Malay language, the social class gap where the elite class has more opportunities compared to the general public, how schools that gather all ethnicities can foster unity, the current generation's lower appreciation of traditional elements compared to previous generations, positive discrimination, Malaysian societal unity, the preservation of traditional elements, and interracial harmony in Malaysia. The findings also indicate that experts believe today's generation accepts the traditional elements in

the Federal Constitution, but their appreciation is somewhat lacking. This is attributed to the use of the Malay language, religious issues being politicized, religious understanding, and dissatisfaction with the status of Malays and Bumiputeras. The implications of this study suggest that efforts to increase awareness and understanding of these traditional elements among the younger generation should be strengthened to enhance their appreciation.

**Keywords:** Elements of tradition; social contract; Federal constitution; appreciation; Malay; Islam

## Pengenalan

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi Malaysia yang telah digunakan secara rasminya pada 31 Ogos 1957. Dalam Perlembagaan Persekutuan ini terdiri daripada unsur tradisi yang menjadi tonggak perpaduan antara kaum di Malaysia. Unsur tradisi yang dimaksudkan adalah berkaitan elemen bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja dalam Perlembagaan Persekutuan. Isu-isu ini merupakan isu sensitif yang tidak boleh disentuh sewenang-wenangnya. Unsur-unsur tradisi ini juga penting untuk menjaga keharmonian kaum yang pelbagai di Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan dunia globalisasi hari ini yang memungkinkan manusia saling berhubung antara satu sama lain tanpa batas sempadan menyebabkan berlakunya pertemuan pelbagai budaya dan tradisi.

Pertemuan pelbagai budaya dan tradisi ini boleh menyebabkan terhakisnya nilai-nilai budaya dan pengamalan unsur tradisi masyarakat tempatan. Jika dilihat dari segi bahasa, Malaysia telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebagaimana yang telah ditulis dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bahasa Melayu secara tradisinya adalah bahasa yang digunakan oleh masyarakat alam Melayu sejak dahulu lagi. Hari ini, kesan daripada globalisasi dan pelbagai faktor lain menyebabkan bahasa Melayu tidak diangkat sebagaimana suatu masa dahulu. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu merupakan lingua franca yang digunakan oleh semua orang yang singgah di alam Melayu (Hanis Izrin et al., 2017).

Perubahan dunia hari ini menyaksikan bahasa Inggeris diangkat tinggi digunakan dengan meluas (Noor Azrmira & Nor azlili, 2019) dan mampu memberi banyak manfaat kepada sesiapa yang menguasainya. Maka, kita dapat menyaksikan bahasa Melayu tidak lagi gah seperti dahulu. Selain dari bahasa, agama juga sering berdepan dengan cabaran-cabaran globalisasi hari ini. Jati diri dan pengetahuan serta pemahaman agama yang kuat menjadi benteng daripada mudah terpengaruh dengan kepercayaan-kepercayaan agama lain serta perkara-perkara yang bercanggah dengan agama. Dari segi kedudukan istimewa orang Melayu serta sistem beraja juga berdepan dengan cabaran apabila masyarakat mula mempersoalkan kedaulatan dan kedudukannya. Seiring dengan zaman manusia mula terpengaruh dengan dunia kemodenan yang mula mempersoalkan hal-hal yang telah menjadi tradisi masyarakat.

Maka, artikel ini ingin merungkai sejauhmana tradisi, khususnya unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan diterima dan dihayati oleh generasi hari ini menurut pandangan pakar bidang undang-undang, sosiologi perlembagaan, pembinaan bangsa dan sejarah.

## Sorotan Literatur

Kajian lepas yang akan ditinjau adalah tentang elemen-elemen unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan seperti bahasa melayu, agama Islam, sistem beraja dan kedudukan istimewa orang Melayu. Kajian berkaitan kontrak sosial atau unsur tradisi telah banyak ditulis oleh penulis dan penyelidik Malaysia. Elemen-elemen unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan ini ditulis dalam pelbagai nama seperti kontrak sosial, jati diri, sumpah rabbani dan sebagainya. Namun elemen yang sama dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta sistem beraja.

Antara kajian yang dijalankan adalah kajian Khadijah et al. (2022) yang meninjau realiti persepsi masyarakat Malaysia di media sosial terhadap kajian kontrak sosial. Hasil dapatan menunjukkan reaksi yang berbeza-beza mengikut etnik. Etnik Melayu memberi reaksi yang positif. Namun, etnik bukan Melayu dilihat lebih beremosi dalam meluahkan pendapat di hantaran dalam media sosial yang dihantar oleh penyelidik. Istilah kontrak sosial lebih dilihat dengan kacamata politik perkauman dan persepsi. Walaupun elemen dalam

kontrak sosial ini sama seperti apa yang ada dalam elemen unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan, namun penggunaan istilah kontrak sosial lebih kontroversi.

Mastura dan Khadijah (2022) juga mendapati pengetahuan, sikap dan penghayatan pelajar universiti terhadap unsur tradisi adalah tinggi. Selain dari meninjau reaksi masyarakat, Khadijah et al. (2023) juga telah membina instrumen untuk mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Instrumen Kajian Indeks Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan (KIUTPP) ini dijalankan mengikut prosedur pengesahan instrumen melibatkan pakar, ujian rintis dan perisian seperti Rasch Model, Amos dan Jamovi. Hasilnya menunjukkan masyarakat mempunyai tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan yang tinggi terhadap unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan.

Zamri et al. (2017) mengkaji tentang pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan di Universiti Awam. Antara konstruk jati diri yang diukur adalah agama, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat patriotisme. Kesemua konstruk menunjukkan tahap jati diri yang tinggi dalam kalangan responden. Walau bagaimanapun, Universiti Malaysia merupakan universiti yang paling rendah antara semua universiti awam yang dikaji. Universiti Sains Malaysia merupakan universiti paling tinggi jati dirinya. Universiti yang menjadi sampel kajian adalah UM, UKM, USM, UPM dan UTM.

Kajian oleh Mastura et al. (2022) mendapati pengetahuan, sikap dan amalan belia di Lembah Klang adalah tinggi. Dapatkan ini sewajarnya tinggi kerana golongan belia yang bakal memimpin negara mestilah mempunyai jati diri yang kuat, semangat perpaduan antara kaum dan persefahaman antara kaum yang tinggi. Kajian berkaitan jati diri yang melibatkan kefahaman tentang agama Islam, kewarganaegaraan, Raja berperlembagaan, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah Sarawak turut dijalankan oleh Norfiza et al. (2022). Kajian ini hanya melibatkan 76 orang pelajar Asasi pintar UKM. Hasil kajian menunjukkan kefahaman pelajar terhadap jati diri merujuk kepada elemen agama, bahasa, sistem berperlembagaan dan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah Sarawak adalah tinggi.

Siti Aisyah et al. (2024) mengkaji keempat-empat elemen yang dibincangkan ini dengan menamakan sebagai sumpah rabbani. Hasil-kajian mendapati bahawa sumpah Rabbani Yang di-Pertuan Agong sangat berkait rapat dengan beberapa elemen tradisi iaitu Islam sebagai agama Persekutuan, institusi beraja sebagai ketua agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputra. Oleh itu hasil dapatannya menyatakan bahawa sumpah yang dilafazkan sangat penting untuk dihayati sebagai teras perpaduan masyarakat di Malaysia. Mohd. Rusydi et al. (2024) mendapati bahawa aspek pengetahuan, kefahaman serta kepercayaan mempengaruhi penerimaan unsur tradisi. Elemen penerimaan juga menjadi peranan sebagai perantara kepada semua aspek ini.

Daripada tinjauan kajian lepas ini dapat disimpulkan bahawa banyak kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai elemen bahasa, agama, orang Melayu dan sistem beraja di Malaysia. Hasilnya juga menggambarkan pengetahuan masyarakat tentang semua elemen ini adalah tinggi, mereka tahu tentang peruntukannya. Walau bagaimanapun dari segi tindakan dan penerimaan berbeza antara etnik. Orang Melayu tinggi penerimaan dan tindakannya kerana keistimewaan memihak kepada mereka anak watan. Tetapi penerimaan dan tindakan etnik lain dari kajian-kajian lepas dilihat rendah daripada etnik Melayu. Jika orang bukan Melayu mampu menerima realiti bahawa orang Melayu dan bumiputera adalah anak Watan negara ini dan mereka bersyukur dengan segala keistimewaan yang diberikan mungkin penerimaan dan tindakan mereka akan berubah menjadi lebih tinggi.

## Metodologi

### 1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kajian ini tiada pembolehubah yang telah dikenalpasti dan perlu diterokai melalui informan kajian (Creswell, 2014). Pendekatan ini digunakan agar objektif kajian dapat dicapai dengan menemubual pakar-pakar yang dapat menjawab persoalan.

## 2. Pengumpulan Data dan Pemilihan Sampel

Data dikumpul melalui kaedah temubual. Temubual secara bersemuka dilakukan terhadap enam orang informan. Sampel kajian dipilih secara persampelan bertujuan. Pakar-pakar yang ditemubual ini terdiri daripada Profesor Madya bidang sosiologi Perlembagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (informan A), Profesor Madya bidang undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (informan B) dan Universiti Teknologi Malaysia (informan C), Profesor Emeritus bidang pembinaan bangsa dari Unievrtsiti Kebangsaan Malaysia (informan D), pensyarah kanan bidang ekonomi dan sejarah dari Universiti Malaya (informan E) dan bekas Profesor bidang sejarah (informan F). Informan-informan kajian ini terdiri daripada etnik Melayu dan Cina. Semua informan ini dipilih kerana mereka sesuai untuk menjawab persoalan tentang sejarah Malaysia, undang-undang berkaitan Perlembagaan Malaysia dan telah melakukan banyak kajian tentang masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu, Cina dan India.

## 3. Analisis Kajian

Setelah temubual dilakukan, hasil dapatan ditranskrip menggunakan atlas.ti, kemudian dikodkan tambah penerangan bagaimana proses berlaku. dengan menjawab objektif kajian dan dikategorikan mengikut tema yang sesuai bagi menjawab persoalan kajian.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Isu semasa melibatkan unsur tradisi, rata-rata informan berpendapat kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa dan agama sering menjadi perhatian. Manakala sistem beraja tidak menjadi konflik dalam masyarakat kerana isu ini tidak boleh disentuh sewenang-wenangnya. Semua elemen dalam unsur tradisi ini tidak boleh disentuh kerana isu-isu ini merupakan isu sensitif yang mampu menarik emosi rakyat Malaysia dan menyebabkan berlaku tindakan-tindakan luar kawalan sesetengah individu atau kelompok. Daripada temubual terhadap semua informan yang terdiri daripada pakar yang berlatarbelakang etnik Melayu dan Cina ini terdapat beberapa perbezaan pendapat yang diperolehi. Soalan yang diajukan adalah berkaitan isu-isu yang berkait dengan keempat-empat unsur tradisi ini dan isu-isu semasa yang sedang berlegar. Antaranya isu calon Pilihanraya Negeri yang tidak mampu berbahasa Melayu, generasi media sosial yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan betul, masyarakat Malaysia tidak fasih berbahasa Melayu, isu agama Islam dipersenda, isu pengharaman arak dan judi di Kedah.

### 1. Penggunaan Bahasa Melayu

Penggunaan bahasa melayu dalam kalangan bukan melayu menurut informan D secara umumnya adalah lemah. Walaupon mereka merasakan mereka mahir, dengan memperlihatkan keputusan SPMnya yang tinggi. Tetapi dari segi praktis menurut informan D mereka tidak mampu berbahasa Melayu dengan baik. Kata beliau lagi,

*“untuk dapat A, mereka akan pergi tusyen dan hafal karangan. Jadi proses pembelajaran ini berlaku hanya untuk lulus peperiksaan, bukan dipelajari untuk berintegrasi dengan masyarakat Melayu. Sepatutnya, Bahasa Melayu ini dipelajari oleh orang bukan Melayu secara integratif untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu. Apabila orientasi pembelajarannya integratif, maka kita akan dapat lihat sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu. Tapi, apa yang berlaku? Mereka belajar secara instrumental. Sebab jika gagal matapelajaran Bahasa Melayu, maka akan gagal seluruh peperiksaan awam. Jadi, mereka bermati-matian akan pastikan mereka dapat gred secukupnya. Mereka ke kelas tusyen, mereka hafal.”*

Menurut informan D lagi salah kerajaan juga kerana mansuhkan ujian lisan yang dahulunya ada peperiksaan lisan SPM. Jika dulu ujian lisan dinilai oleh guru sekolah lain, namun kini hanya dinilai oleh guru sendiri. Dan lisan itu diadakan di peringkat sekolah yang boleh dikompromi. Dahulu, lisan akan dipelajari dengan lebih serius. Sekarang, mereka belajar hafal dan kita dapat dikatakan mereka dapat tunjuk keputusan A. Tapi, tak mampu bertutur.

Dari segi bahasa, informan A mengatakan bahawa etnik Cina dari sekolah rendah hingga sekolah menengah bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina, maka penggunaan hariannya adalah bahasa ibunda

mereka. Perkara ini tidak menyumbang kepada perpaduan negara. Namun, demi kepentingan dan desakan politik, hal ini dibiarkan sahaja. Bagi informan E pula, tidak kira Melayu, Cina atau India sewajarnya sama-sama berusaha mempelajari bahasa yang baru iaitu bahasa Inggeris untuk membina hidup yang lebih baik. Dan menurutnya ini lebih adil untuk semua. Tambahan pula, bahasa inggeris dapat menyatukan semua dengan berkongsi satu bahasa. Bagi informan E, zaman dulu memang bahasa Melayu menyatukan kaum. Contoh ibu beliau yang tinggal di kampung sangat mahir berbahasa Melayu dan rapat dengan orang-orang Melayu. Tetapi orang bukan Melayu bagi generasi hari ini tidak lagi mahir berbahasa Melayu kecuali hanya golongan yang cerdik pandai. Menurut beliau lagi, bagi orang bukan Melayu yang kurang pendidikan mungkin lebih mudah mempelajari bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris. Ini kerana beliau melihat contoh orang Nepal yang beliau jumpa telah mahir berbahasa Melayu hanya dalam tempoh enam bulan. Bahasa Melayu sebagai lingua franca hanya nostalgia menurut informan D.

*“Tidak salah kita bangga dengan kecemerlangan Bahasa Melayu pada zaman dahulu. Memang Lingua Franca. Memang hebat. Namun, jatuh disebabkan oleh penjajah. Ketika mencapai kemerdekaan, negara mula membina semula legasi ini dengan mengembalikan bahasa Melayu, namun kita sendiri yang meruntuhkan legasi itu.”*

Menurut beliau lagi,

*“dengan adanya PPSMI dan sekarang universiti lebih banyak menggunakan Bahasa Inggeris daripada Bahasa Melayu. Kita sendiri runtuhkan legasi itu. Contohnya PPSMI. Kita sendiri yang merasakan Bahasa Melayu tak mampu memandaikan anak bangsa kita. Terutamanya dalam bidang Sains dan Teknologi. Kita perlu Bahasa Inggeris. Kita sendiri yang buat.”*

Tambah informan B pula,

*“political will mesti ada. Kalau lah Jawi pun empat muka surat pun terketar-ketar nak dapatkan restu orang bukan Melayu, apa cerita? Oleh itu, jangan sebut orang Cina, orang India. Sebab Cina India tu dekat negara China dan India sana. Kita nak memupuk bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia terdiri daripada kumpulan etnik orang Melayu, orang bukan Melayu, anak Negeri Sabah, anak Negeri Sarawak. “*

Oleh itu, menurut beliau ahli akademik kita mesti ada wawasan. Orang politik kita mesti ada wawasan. Jangan asyik nak berkelahi sahaja. Beliau melihat isu tiada keberanian oleh ahli akademik. Ahli akademik tidak berani menasihati, kerana melihat ahli politik sebagai ‘kebal’. Beliau tidak merasakan ahli politik ‘kebal’, kerana apabila rakyat bersuara, menghukum melalui pilihanraya, mereka akan jatuh. Rakyat Malaysia dilihat mengutamakan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu. Informan A mengatakan bahawa

*“kita berada dalam dilema, iaitu bahasa Inggeris perlu diangkat untuk mencapai kebolehpasaran pelajar setelah bergraduat. Namun bahasa Melayu perlu dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris perlu dijadikan sebagai bahasa kedua. IPTA perlu mainkan peranan dengan merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Tambah beliau lagi, IPTA merupakan universiti di bawah kerajaan, maka segala urusan rasmi perlu menggunakan bahasa Melayu sebagaimana yang tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan. “*

Informan E juga menyebut bahawa

*“Apabila berada di peringkat pengajian tinggi pelajar perlu menguasai bahasa Inggeris kerana tuntutan untuk menghasilkan artikel berindeks tinggi yang majoritinya berbahasa Inggeris. Jadi, mahu atau tidak masyarakat Malaysia perlu menguasai bahasa Inggeris untuk membina kejayaan yang lebih gemilang.”*

Informan C mengulas tentang dua kepentingan bahasa, iaitu sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu. Tambah beliau lagi,

*“Bahasa komunikasi bermakna bangsa tersebut tegas dengan penggunaannya sehingga orang lain perlu membuat penterjemahan untuk memahami komunikasi tersebut. Bahasa ilmu pula ialah kemampuan bahasa itu untuk mewujudkan perbendaharaan kata yang mencukupi bagi menyiapkan perkara-perkara yang kompleks dalam pelbagai cabang ilmu. Jadi, dua-dua perkara itu buat masa ni menjadi cabaran kepada bahasa Melayu. Ini kerana dari segi bahasa komunikasi kita masih tidak berani untuk bercakap bahasa Melayu dalam komunikasi kita apabila ada warga asing. Sepatutnya, pelajar-pelajar luar negara yang datang ke Malaysia perlu belajar bahasa Melayu untuk belajar di Malaysia. Tetapi jika dilaksanakan begitu, maka tidak ramai yang akan datang. Kita pentingkan pasaran, kita terpaksa buat bahasa Inggeris. Akhir sekali, buku-buku semua guna buku bahasa inggeris menyebabkan ia tidak jadi bahasa ilmu. Maknanya penulisan ilmu-ilmu yang kompleks dalam Sains, Matematik, Engineering, tidak lagi dibuat dalam bahasa Melayu.”*

Informan F iaitu pesara bidang sejarah mengaitkan isu bahasa Melayu dengan didikan ibu bapa zaman sekarang yang berada di bandar-bandar.

*“Mereka suka mengajar anak-anak mereka bercakap menggunakan bahasa Inggeris. Mereka merasa bangga menggunakan bahasa Inggeris. Sedangkan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa takrifan bagi orang Melayu adalah bercakap bahasa Melayu. Jadi, mereka telah lari dari takrifan sebagai Melayu. “*

Mengulas tentang isu-isu berkaitan bahasa, informan F menjawab

*“Orang zaman sekarang lebih suka menggunakan bahasa Inggeris. Ini semua berpunca dari diri kita sendiri. Walaupun telah diputuskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi disebabkan bahasa Inggeris terlalu kukuh dalam pentadbiran maka sampai sekarang masyarakat memandang bahasa Inggeris lagi tinggi”*

Menurut beliau, bahasa Melayu layak menjadi bahasa akademik. Beliau tidak bersetuju menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk kenaikan pangkat, kerana bahasa Melayu juga layak diangkat. Beliau melihat yang berbahasa Melayu sukar untuk naik pangkat. Tambah beliau lagi

*“Dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hanya kekal dalam perlembagaan sahaja, kurang dari segi pelaksanaan. Bahasa Melayu perlu dimartabatkan kerana bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Kalau bukan kita, siapa lagi. Penggunaan bahasa Inggeris itu perlu dijadikan sebagai bahasa kedua. Institusi-institusi tempatan milik kerajaan perlu menggunakan bahasa Melayu kerana termaktub dalam Perlembagaan.”*

## 2. Jurang dan Peluang antara Kelas Sosial

Jurang dan peluang antara kelas sosial turut menjadi perhatian informan kajian. Mereka melihat jurang antara kelas ini menyebabkan berlakunya pengagihan ekonomi dilakukan dengan tidak adil. Golongan yang susah sepatutnya diberikan hak berbanding golongan kaya tanpa mengira latar belakang etnik. Menurut informan E tentang jurang antara kelas

*“Tiada masalah untuk diberikan kedudukan istimewa orang Melayu, dan orang bukan Melayu tiada masalah dengan perkara itu. Namun yang menjadi masalah apabila tiada peluang yang baik untuk golongan bukan Melayu. Golongan bukan Melayu sebelum sistem merit diamalkan iaitu di era 70-an hingga 90-an merasa tertindas apabila kecemerlangan mereka tidak melayakkan mereka masuk IPTA dan peluang bekerja dalam sektor awam sangat rendah. Kebanyakan anak-anak orang bukan Melayu dihantar ke luar negara dan ibu bapa masing-masing menggalakkan anak mereka terus bekerja di luar negara kerana bagi mereka tiada peluang kerja yang baik bagi orang bukan Melayu di Malaysia. Apabila sistem kuota digantikan dengan sistem merit, mereka merasakan lebih banyak peluang untuk mereka membina kerjaya yang lebih baik dengan diberi peluang pendidikan masuk ke IPTA.”*

Informan E turut mengatakan bahawa orang Cina sangat mementingkan pendidikan dalam hidup mereka, kerana pendidikan mampu mengubah taraf hidup masing-masing ke arah yang lebih baik. Informan E turut menekankan bahawa

*“Jurang etnik bukan masalah sebenar, tetapi masalah sebenar adalah jurang kelas sosial antara elit dan bukan elit. Golongan elit jauh lebih banyak peluang dan kekayaan yang dapat diperolehi berbanding rakyat biasa.”*

Informan A pula bersetuju jika pelaksanaan antara jurang etnik ini mengambil contoh Perlembagaan India, iaitu

*“Hanya etnik yang mundur dibantu. Bukan berdasarkan nama, bukan berdasarkan etnik tertentu. Tidak kira lah orang Melayu, Cina atau India. Kalau dia mundur, dia perlu dibantu. Bantuan atau sokongan dari segi ekonomi dan pendidikan perlu diberikan kepada mereka yang miskin. Kebetulan yang miskin itu mungkin ramai Orang Melayu. Orang Melayulah yang dapat. Orang India sikit, dapat sikitlah. Ini sedikit sebanyak akan meleraikan perbahasan ketidakadilan kontrak sosial, bias dan sebagainya.”*

Menurut informan D, dakwaan diskriminasi akan berkurangan jika tindakan affirmative yang seratus peratus membantu orang Melayu dan bumiputera kepada membantu orang miskin tanpa mengira latar belakang kaum. Kerana menurutnya, jika potongan harga atau bantuan diberikan atas nama bangsa maka orang yang kaya juga akan dibantu. Sedangkan kemiskinan itu bukan berlegar dalam satu kelompok bangsa sahaja.

### 3. Sekolah Kebangsaan, Sekolah Vernakular dan Perpaduan

Isu sekolah vernakular adalah isu hangat yang sering dibincangkan dan tidak pernah berkesudahan. Perpaduan dalam kalangan masyarakat akan dapat dicapai apabila berlakunya percampuran antara etnik sejak di bangku sekolah lagi. Sekolah satu aliran biasanya tidak wujud percampuran antara etnik yang rencam. Ini menyebabkan agenda perpaduan antara kaum bermula di bangku sekolah lagi tidak dapat dilaksanakan. Namun, jika mendengar pendapat orang bukan Melayu mereka ada alasan tersendiri mengenai sekolah satu aliran ini. Menurut informan E

*“Orang bukan Melayu bekerja keras mencari sumber ekonomi dan mohon peruntukan ibu bapa dengan hasil penat lelah untuk memastikan kelangsungan sekolah jenis kebangsaan. Maka, apabila ada suara yang ingin menutup sekolah jenis kebangsaan, perkara ini mendatangkan kemarahan buat mereka. Sekolah vernakular juga perlu dijaga untuk mengekalkan bahasa ibunda masing-masing. “*

Menurut beliau, memang kajian menunjukkan sekolah vernakular merencatkan perpaduan antara kaum. Namun, lebih teruk jika sesuatu bangsa itu kehilangan identiti bangsa atau tidak memahami bahasa ibunda sendiri. Informan E mengatakan

*“So, I think unity is not about the language. It is about how they can live together and understand each other.”*

Setiap negara ada bahasa yang digunakan yang melambangkan identiti negara masing-masing. Contohnya negara Jerman, negara Jepun masing-masing menggunakan bahasa mereka sendiri. Terbukti mereka mampu membangunkan tamadun baangsa mereka walaupun tidak menggunakan bahasa antarabangsa dunia hari ini iaitu bahasa Inggeris. Masyarakat Malaysia boleh bersatu dalam kepelbagaiannya, namun pelbagai bahasa memberi kesan kepada perpaduan dalam masyarakat. Penguasaan bahasa Melayu ini tidak dapat dikuasai disebabkan oleh pendidikan di sekolah vernakular yang tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di sekolah. Menurut pakar yang ditemubual sekolah vernakular ini ibarat api dalam sekam. Informan D juga mengakui bahawa sekolah vernakular memberi kesan kepada isu perpaduan kaum.

*“Masyarakat bukan Melayu yang tidak mahir berbahasa Melayu juga apabila tidak mahir berbahasa Melayu, mereka banyak menonton cerita-cerita dan drama-drama dari negara asal mereka. Ini menyebabkan budaya negara mereka menyerap masuk ke dalam kehidupan dan amalan sehari-hari. Bukan saja dari segi hiburan, malah dari segi berita-berita semasa juga akan dirujuk dari negara luar yang sama dengan bahasa mereka.”*

Menurut informan A, keimbangan terhadap kehilangan identiti menyebabkan orang bukan Melayu tidak berani ke sekolah kebangsaan. Sebagaimana suatu ketika dahulu orang Melayu juga tidak berani ke

sekolah mubaligh kristian kerana bimbang dikristianisasikan. Maka orang bukan Melayu lebih suka mempertahankan sekolah jenis kebangsaan untuk mempertahankan identiti dan budaya mereka. Menurut informan D pula, punca orang bukan Melayu tidak ke sekolah kebangsaan adalah disebabkan oleh mutu.

*“Mutu itu berkait dengan tenaga pengajar. Cikgu di sekolah jenis kebangsaan lebih tekun berbanding cikgu di sekolah kebangsaan, dan ianya dipersetujui oleh ibu bapa Melayu yang mengantar anak-anak ke sekolah jenis kebangsaan. “*

Beliau turut mengakui bahawa pihak atasan juga menekan guru-guru untuk bekerja lebih keras, dan murid-murid diberi tugas yang banyak untuk meningkatkan prestasi pelajar. Menurut beliau lagi, punca seterusnya adalah sekolah kebangsaan dilihat terlalu islamik. Menurut informan D, bahasa mencorakkan pemikiran.

*“Sekolah jenis kebangsaan, sekolah kebangsaan, sekolah Inggeris menggunakan bahasa yang berbeza-beza sebagai medium perantaraan. Dan bahasa ini membentuk pemikiran pelajar. Ini jelas dapat dilihat daripada pemikiran-pemikiran pelajar-pelajar Malaysia yang ke sekolah Melayu sahaja, Inggeris sahaja, sekolah agama sahaja. Pemikiran mereka berbeza. “*

Oleh itu menurut informan D perlunya sekolah satu aliran yang melahirkan bahasa yang sama sahaja, dan membentuk satu pemikiran yang sama. Keadaan ini akan menjurus kepada perpaduan kaum. Informan E juga berpendapat berada di bawah bumbung yang sama akan membentuk perpaduan antara kaum, tanpa mengira apa bahasa yang digunakan, yang penting satu bahasa yang sama.

#### 4. Penghayatan Elemen Unsur Tradisi melalui Isu Semasa

Penghayatan agama itu bergantung kepada masyarakat. Jika masyarakat terus berpegang teguh dengan agama, maka agama itu tidak akan gugur. Penghayatan agama masyarakat menurut informan F pelaksanaan dan penghayatan agama Islam dulu dan sekarang berbeza. Kesedaran masyarakat zaman dahulu tidak sebagaimana hari ini yang telah banyak disebarluaskan. Zaman dahulu, penghayatan agama banyak diperolehi di pondok-pondok. Namun, zaman sekarang masyarakat mudah memperolehi ilmu pengatahan agama sama ada di media arus perdana, media alternatif, internet, pihak-pihak berautoriti dan masyarakat sekeliling.

Dari segi penghayatan unsur tradisi, menurut informan A, penghayatan itu lebih dihayati oleh generasi dahulu berbanding sekarang kerana generasi dahulu merasai proses kontrak sosial itu berlaku. Maka mereka lebih menghayatinya. Oleh itu, masyarakat Melayu, Cina dan India pada waktu itu lebih bersatu kerana mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu ingin mencapai kemerdekaan. Penghayatan unsur tradisi juga dapat dilihat melalui peranan institusi beraja hari ini. Menurut beliau lagi, peranan raja jelas dapat dilihat apabila kerajaan yang dibentuk tidak menunjukkan majoriti dari mana-mana parti. Yang DiPertuan Agong memainkan peranan yang penting untuk menentukan pembentukan kerajaan yang dikehendaki. Raja tidak dipengaruhi oleh ideologi politik. Maka institusi diraja adalah benteng terakhir rakyat jika negara dalam keadaan yang tidak stabil atau tidak harmoni. Berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku seperti isu sekolah vernakular, penutupan premis judi, arak, penghinaan pada agama, penghayatan terhadap unsur tradisi dilihat agak kurang. Informan D menjelaskan isu ini seperti berikut

*“Sepatutnya secara warasnya judi, arak ini dia maksiatlah. Maksiat dari segi kalau tak berdosa untuk agama-agama tertentu dia sesuatu yang tak baiklah. Jadi, sepatutnya disokonglah langkah haramkan judi, haramkan arak ini. Maknanya, dia sesuatu yang baik lah sebab dia maksiat dalam erti kata hina lah. Tapi, tidak dari segi erti perpaduan kita ni, hubungan etnik kita ni sudah sampai satu tahap yang begitu teruklah. Iaitu tahap Bahasa Inggeris ia dipanggil zero some gain. Maknanya apa-apa yang menguntungkan Melayu akan merugikan bukan Melayu. Sampai tahap tulah. Jadi, sekarang haram arak, haram judi dilihat sebagai menguntungkan Melayu. Jadi, ia pasti akan merugikan bukan Melayu. Tak semestinya begitu. Tapi sudah sampai tahap itu hubungan kita. Begitu dahsyat sekali. Dipanggil zero some gain. Jadi, tak boleh. Apa-apa sahaja yang baik untuk Melayu, kita mesti lawan. Jadi, ia tak baik untuk kita. Ia rugi untuk kita. Begitu jugak orang Melayu. Bila apa-apa saja diberikan kepada Cina, dia akan merugikan Melayu seperti kes apa..polis tadi tu. Yang nak jadi polis, mesti*

*ada credit Bahasa Melayu. Sekarang tak ada credit pun boleh. Orang Melayu marah. Sebab bagi Melayu, merugikan Melayu. Tapi Melayu tak tengok dari segi yang lebih rasional. Ia menguntungkan Melayu jugak sebab nak selesaikan masalah jenayah ini. Penjenayah Cina ini mesti ditacle oleh orang Cina yang tau selok belok hal-hal Cina ini. Jadi, Melayu kata kita boleh hantar Melayu yang boleh berbahasa Cina. Bukan sahaja masalah Bahasa Cina, rupa engkau Melayu. Kau masuk sahaja nak mengintip, dah gagal dah. Jadi, kena pasang Cina. Kena pasang India. Jadi, hubungan kita sudah sampai tahap zero some gain. Cukup berbahaya. Jadi, dalam kes arak dan judi ini, Cina melihat begitulah. Jadi, Melayu sudah lebih. Melayu nak haramkan arak tak boleh dijual lagi. Nak haramkan judi, tak boleh. Nak beli nombor ekor lagi. Jadi, dilihat ini baik menguntungkan Melayu, merugikan Cina. Jadi, pandangan begini kerana zero some gain tadi mengapa zero some gain? Lebih kurang macam nasi sudah menjadi bubur. Yalah, hanya kita tak ada konflik terbuka saja.”.*

Menurut beliau, apa sahaja yang menguntungkan Melayu, dianggap merugikan kaum Cina. Dan begitu juga sebaliknya. Keadaan ini akan memburukkan perpaduan di Malaysia. Informan E menyebut tentang isu ada pihak yang menyaman sekolah vernakular disebabkan oleh penggunaan bahasa perantaraan bukan bahasa Melayu. Menurut beliau, isu ini menunjukkan tiadanya kebebasan berbahasa sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan bahasa lain juga bebas untuk diajarkan. Berkaitan pengharaman isu judi di Kedah, menurut beliau mengharamkan judi hanya akan membuka ruang wujudnya kedai-kedai judi haram. Tambah beliau lagi, walaupun tiada kedai judi, judi secara atas talian tetap boleh dijalankan. Keadaan ini akan menguntungkan pihak-pihak judi yang tidak sah. Ini akan menyebabkan kerajaan tidak dapat mengutip cukai dari premis-premis judi yang dijalankan mengikut permit. Masyarakat bukan Islam tidak berpuas hati dengan penutupan premis-premis judi kerana premis-premis yang mendapat permit ini lebih memberi jaminan kepada mereka daripada ditipu. Premis yang dijalankan secara tidak sah tidak memberi jaminan kepada mereka daripada tidak ditipu. Bagi penganut agama Islam, berjudi adalah haram. Maka sebagai sebuah negara Islam, masyarakat Islam tidak mahu negara ini dicemari dengan perkara-perkara haram. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik dan kepercayaan, perkara seperti ini perlu diperhalusi. Jika diteliti, masyarakat bukan Melayu juga dalam kepercayaannya tidak dibenarkan minum arak, judi dan perkara-perkara yang merosakkan diri. Jika penghayatan agama dihayati sepenuhnya oleh setiap kaum, perkara sebegini bukanlah isu besar. Namun di Malaysia, isu sebegini sering dipergunakan oleh golongan politik demi kepentingan mereka.

Informan B melihat penghayatan unsur tradisi melalui sistem beraja dan bahasa, agama dan kedudukan istimewa orang Melayu. Dari segi bahasa anak muda hari ini mula dilihat mengutamakan bahasa Inggeris kerana mereka banyak menggunakan gajet dalam kehidupan seharian yang bahasa perantaraannya adalah bahasa Inggeris. Institusi-institusi pendidikan juga dilihat menganaktirikan bahasa Melayu. Bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa pengantar utama. Soalan-soalan peperiksaan perlu dijawab dalam bahasa Inggeris sahaja. Itu antara keadaan yang menunjukkan bahasa Melayu dianaktirikan. Sedangkan dalam Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahasa Melayu perlu digunakan dalam urusan rasmi. Institusi Pengajian Tinggi Awam merupakan badan kerajaan, maka urusan berkaitannya dianggap sebagai urusan rasmi. Sepatutnya, walaupun bahasa lain digunakan untuk mendidik pelajar, dalam masa yang sama bahasa Melayu perlu dijulang tinggi. Keadaan masyarakat hari ini juga dilihat telah berani menghina institusi beraja, keadaan ini tidak sepatutnya berlaku. Kerajaan perlu mengambil tindakan jika keadaan sebegini berlaku agar rakyat tidak berani menghina institusi beraja yang dianggap sebagai institusi tertinggi negara. Isu berkaitan pengharaman arak dan judi menurut beliau wajar diharamkan. Namun, kerajaan sewajarnya mengeluarkan juga satistik kesan daripada arak dan judi apa yang berlaku. Tindakan itu lebih membuatkan masyarakat yang tidak bersetuju boleh berfikir secara rasional.

Kedudukan istimewa orang Melayu seringkali juga menjadi isu ketiadakpuasan hati sesetengah pihak. Berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera, pelbagai dasar telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang antara orang Melayu dan bukan melayu. Antaranya adalah Dasar Ekonomi Baru. Dasar-dasar lain juga banyak dilaksanakan untuk memajukan orang Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Walaupun pelbagai dasar telah dilaksanakan, namun jurang antara orang bukan Melayu dan Melayu serta bumiputera masih jauh berbeza. Sebagai contoh masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak yang masih lagi tertinggal dari segi infrastrukturnya. Informan C memberi contoh kedudukan istimewa orang Melayu

sebagai penjawat awam. Kuota orang Melayu sebagai penjawat awam penting dikekalkan kerana jawatan dalam kerajaan akan menentukan kuasa-kuasa yang memberi hala tuju negara, penyampaian dan sebagainya. Tambahan pula, orang Cina telah menguasai ekonomi, maka penting untuk mengimbanginya orang Melayu menguasai negara. Beliau menyatakan

*“Dalam penjawat awam kan. Haa.. yang tu pentinglah untuk dikekalkan sebab jawatan dalam kerajaan ni menentukan kuasa-kuasa yang memberi hala tuju negara, penyampaian dan sebagainya. Okay, sebab apa? Sebab dari sudut imbangan orang Melayu ni tak menguasai ekonomi. Orang Cina, dia menguasai ekonomi. Sebab itu dia ada konsep dia panggil private discrimination, walaupun yang dibincangkan banyak dalam perbincangan tu dia sebut discrimination 153 ni discriminate. Tapi orang tak bincang tentang private discrimination yang mana syarikat-syarikat yang dikuasai oleh orang Cina ni dia letakkan syarat walaupun dia tak kata kita mesti berbangsa Cina. Tapi dia kata mengusai bahasa Mandarin. Mana orang Melayu boleh masuk kan. Jadi tu kita panggil private discrimination yang berlaku. Jadi oleh kerana benda tu wujud dan tak boleh nak dihalang, maka diimbangkan dengan 153. Maknanya peluang kepada orang Melayu untuk bekerja di sector awam.”*

Daripada dapatan hasil temubual ini, dapat dilihat bahawa penghayatan unsur tradisi yang terdiri daripada keempat-empat elemen ini menurut perspektif pakar dihayati oleh generasi muda, namun tidak sepenuhnya. Penghayatan masyarakat juga menurut perspektif pakar berbeza-beza dari segi etnik selari dengan kajian yang dijalankan oleh Khadijah et al. (2022). Walaupun kajian-kajian lepas menunjukkan pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat terhadap keempat-empat elemen ini tinggi (Mastura & Khadijah, 2022; Khadijah et al, 2023; Zamri et al, 2017; Mastura et. al, 2022; Norfiza et. al, 2022), namun dari pandangan pakar ini menggambarkan penghayatan masyarakat tidak tinggi secara keseluruhannya. Sebagai contoh dari segi bahasa Melayu, tidak semua generasi hari ini tanpa mengira etnik mahir berbahasa Melayu. Masyarakat Malaysia hari ini lebih suka menggunakan bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris adalah bahasa yang difahami majoriti manusia. Di institusi kerajaan seperti Institusi Pengajian Tinggi juga lebih mengangkat bahasa Inggeris dalam pengajaran. Dalam urusan kerajaan seperti hebahan maklumat juga ada yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Sedangkan dalam Perlembagaan Persekutuan jelas menegaskan bahawa segala urusan rasmi kerajaan mestilah menggunakan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Seiring dengan zaman teknologi hari ini, generasi muda lebih terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris. Malah, bahasa Melayu dilihat sukar berbanding bahasa Inggeris oleh generasi muda hari ini. Kerajaan perlu mainkan peranan untuk terus memartabatkan bahasa Melayu, bukan hanya tinggal sebagai dasar tetapi tidak diperkasakan sepenuhnya.

Dari segi agama pula, setiap penganut agama Islam di Malaysia menghormati agama lain. Namun disebabkan oleh pengaruh politik, isu-isu seperti kalimah Allah, arak, judi dan sebagainya sering dimainkan untuk meraih sokongan. Isu-isu ini dipolitikkan sehingga boleh menyebabkan pergaduhan antara etnik di media sosial. Perkara sebegini boleh dielakkan jika semua etnik di Malaysia saling memahami antara satu sama lain. Asas dalam kepercayaan agama setiap etnik di negara ini difahami oleh semua, perkara sebegini mungkin boleh dielakkan. Dari segi sistem beraja, tiada isu yang ditimbulkan. Masing-masing menghormati sistem beraja dan sedar bahawa isu ini tidak boleh disentuh. Dari segi kedudukan istimewa orang Melayu, isu ini paling hangat diperkatakan dalam menghayati unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan istimewa orang Melayu adalah satu diskriminasi positif yang perlu ada untuk menjaga kedudukan orang Melayu dan bumiputera sebagai anak watan negara ini. Mereka berhak kerana jika tidak dijaga maka tergadai la kedudukan mereka, dan boleh mencetuskan konflik dalam masyarakat. Keharmonian dan perpaduan negara ini berada dalam keadaan baik. Tetapi kadang kala digangu gugat oleh pihak-pihak yang ada kepentingan diri. Untuk terus mengekalkan keharmonian ini, setiap etnik mesti saling menghormati antara satu sama lain, memahami budaya etnik lain, tiada prasangka buruk, tiada prejudis dan diskriminasi. Tidak menjadi duri dalam daging, dan api dalam sekam. Setiap individu perlu ada rasa sayangkan negara dan merasai semangat kekitaan dalam diri rakyat Malaysia. Setiap rakyat Malaysia perlu disemarakkan dengan semangat patriotism yang tersemat kemas dalam sanubari dan bukan hanya bermusim (Siti Hafizah et. al 2024).

## Kesimpulan

Negara Malaysia terdiri daripada masyarakat yang pelbagai latar belakang dari segi etnik, agama dan kepercayaan, bahasa pertuturan, adat dan tradisi, dan sebagainya. Kepelbagaiannya ini memberi cabaran yang besar dalam menguruskannya. Maka Perlembagaan Persekutuan adalah pengikat kepada semua etnik untuk terus mengekalkan perpaduan yang ada. Setiap individu perlu patuh pada perlembagaan ini terutamanya unsur tradisi yang ada di dalamnya seperti mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, agama Islam sebagai agama persekutuan dan menghormati kepercayaan masing-masing, menerima peruntukan orang Melayu dan bumiputera serta menghormati sistem beraja. Dengan unsur tradisi ini, keharmonian antara dapat terus dikenalkan. Hasil daripada penemuan berbentuk ilmiah ini mampu memberi implikasi kepada pihak kerajaan dan pihak berkepentingan dalam merangka polisi atau program-program untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kajian-kajian di masa akan datang juga dicadangkan untuk mengkaji dengan sampel yang lebih besar dan lebih rencam dengan pelbagai etnik yang ada di Malaysia mengikut negeri dan zon.

**Penghargaan:** Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi. Kod projek: FRGS/1/2019/SS06/USIM/03/2.

## Rujukan

- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson.
- Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian & Mohd Sharifudin Yusop. (2017). Kegemilangan bahasa melayu sebagai lingua franca. *Jurnal Kesidang*, 2(1), 18-30. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/317/273>
- Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Siti Nor Baya Yacob & Khairul Anwar @ Johari Mastor. (2022). Kajian Netnografi Masyarakat Pelbagai Etnik di Facebook Mengenai Kajian Kontrak Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(2), 16-37. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3802-02>
- Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Khairul Anwar @ Johari Mastor, Nazri Muslim, Fazilah Idris & Siti Nor Baya Yacob. (2023). Pembangunan dan Pengesahan Instrumen Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Terhadap Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 31(1), 183-202. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.10>
- Mastura Abd Wahab & Khadijah Muda. (2022). Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Pelajar Universiti dan Hubungannya dengan Latar Belakang Demografi. *Sains Insani*, 7(2), 1-14. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol7no2.388>
- Mastura Abd Wahab, Khadijah Muda, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2022). Pengetahuan, Sikap dan Amalan Belia di Lembah Klang Terhadap Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(3), 91-107. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/54924/12954>
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 19-28. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/227/166>
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah Maarof, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suzaina Joli, Wan Rezawana Wan Daud & Rorlinda Yusof. (2022). Kajian Kefahaman Interpretasi Jati Diri dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 4(2), 288-300. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>
- Mohd. Rusydi Azfar, Nazri Muslim & Mashitoh Yaacob. (2024). Penerimaan Unsur Tradisi: Penerokaan Anteseden Berkaitan Serta Hubungannya Dengan Penghayatan Terhadap Perlembagaan Persekutuan. *Journal of Ethnic and Diversity Studies*, 2(1), 1-22. <https://joeds.com.my/index.php/home/article/view/36/24>

- Siti Aisyah Yusof, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, Sakinatul Raadiyah Abdulla & Izatul Akmar Ismail. (2024). Penghayatan Elemen Sumpah Rabbani sebagai Teras Pembentukan Tapak Integrasi dalam Masyarakat Malaysia. *International Journal of Islamic Theology and Civilization*, 2(2), 15-22. <https://doi.org/10.5281/zenodo.11513672>
- Siti Hafizah Yusop, Norbahiah Misran, Noorfazila Kamal, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Norsaleha Mohd Salleh, Wan Nor Adibah Wan Ahmad & Sarifah Nurhanum Syed Sahuri. (2024). Tahap Patriotisme Golongan Muda di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Sains Insani*, 9(1), 93-102. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no1.628>
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20(1), 1-10. <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/248>